

Dakwaan Tengku Zafrul sertai PKR

# PKR sedia berbincang jaga hubungan parti komponen

Presiden parti terbuka terima mana-mana pemimpin, tetapi perlu dilakukan dengan cara baik

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Shah Alam:** Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata partinya terbuka menerima mana-mana pemimpin yang mampu memberi sumbangan, tetapi penyertaan mereka perlu dilakukan dengan cara yang baik.

Jika membabitkan pemimpin dari parti komponen dalam Pakatan Harapan (PH) atau rakan kerjasama politik, Perdana Menteri yang juga Pengerusi PH, berkata pihaknya sedia berbincang supaya hubungan sesama parti tidak terjejas.

“Prinsipnya dari dahulu, parti KEADILAN memang terbuka, ada pemimpin kita pernah jadi Setiausaha Agung AMANAH, ada pemimpin DAP jadi calon (pilihan raya) kita. Ada juga calon kita keluar, masuk DAP.

“Jadi KEADILAN selama ini buka ruang, selalu runding dengan baik, itu keadaannya. Selama ini, dari segi dasar kita, pengalaman dalam PH, kita tidak galakkan (penyertaan pemimpin dari parti rakan), tetapi tidak pernah menghalang.



Anwar tiba pada Kongres Nasional Khas PKR di Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam, semalam.

(Foto Genes Gulitah/BH)

“Namun, kita hormat keputusan mereka dan juga hubungan baik antara parti,” katanya ketika ditemui pemberita pada Kongres Nasional Khas PKR, di sini semalam.

Anwar mengulas desas-desus Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz didakwa akan menyertai PKR tahun depan dan bakal ditawarkan jawatan Menteri Besar Selangor.

Susulan dakwaan itu, Pengerusi BN yang juga Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mengingatkan parti dalam Kerajaan Perpaduan tidak mengambil ahli parti komponen bagi mengelak perpecahan dalam gabungan itu yang diterajui Anwar dan beliau selaku Tim-

balan Perdana Menteri.

## Wujud perbincangan awal

Mengulas lanjut, Perdana Menteri mengesahkan wujud perbincangan awal berhubung penyertaan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri itu ke dalam PKR, namun belum mencapai peringkat permohonan menjadi ahli.

“Kita tidak menafikan dan tidak pernah mengajak orang, tetapi kita sedia bincang dan parti ini terbuka, orang yang bekas UMNO pun ada dalam KEADILAN. Sekarang ini ada perbincangan awal (dengan Tengku Zafrul), perbincangan dulu.

“Prinsipnya, kita ambil sikap terbuka (terima) orang yang boleh beri sumbangan, tetapi dengan cara baik supaya hubungan

dengan parti rakan, termasuk UMNO adalah baik,” katanya mengulangi bahawa situasi pemimpin bertukar parti pernah berlaku dan PKR terbuka mengenainya.

“Macam Tengku Zafrul, beliau juga dalam keadaan sama,” katanya dan ketika ditanya sama ada bekas Menteri Kewangan berkenaan ada menyatakan minat untuk menyertai PKR, beliau menjawab, ia perlu ditanya kepada Ketua UMNO Bahagian Kota Raja itu sendiri.

Tengku Zafrul menjadi ahli UMNO Bahagian Kota Raja pada Januari 2023 sebelum mengangkat sumpah sebagai Ahli MKT sebulan kemudian selain pernah diberi tanggungjawab sebagai Bendahari UMNO Selangor.